


1 - 15 MAC, 2026

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow



ANTARA item Warisan Kebudayaan Tidak Ketara yang bakal diwartakan.

## 16 item Warisan Kebudayaan Tidak Ketara

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang bakal mewartakan 16 item Warisan Kebudayaan Tidak Ketara, merangkumi 10 makanan tradisional dan enam amalan warisan, sebagai Warisan Negeri Pulau Pinang di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pewartaan tersebut merupakan langkah penting dalam usaha berterusan Kerajaan Negeri memelihara, melindungi dan mempromosikan khazanah warisan negeri agar tidak terhakis oleh arus pembangunan pesat.

Beliau berkata demikian pada sesi sidang media berkaitan pewartaan tersebut di Komtar pada 29 Januari 2026.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran; Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, Ar. Zalena Abdul Aziz; Ahli Majlis Warisan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pakar Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (Sosiobudaya), Profesor Madya Dr. K. Premalatha dan Pengarah Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri, Haryany Mohamad.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa Pulau Pinang sememangnya terkenal sebagai sebuah negeri yang kaya dengan sejarah, kepelbagaian budaya dan amalan sosiobudaya yang diwarisi sejak turun-temurun, sekali gus membentuk identiti unik masyarakat berbilang kaum di negeri ini.

"Malah, baru-baru ini Pulau Pinang turut diiktiraf sebagai antara destinasi pelancongan terbaik oleh *New York Times* dan *CNN* yang mana budaya makanan tempatan yang unik menjadi penyumbang pengiktirafan sedemikian.

"Maka, melalui Enakmen 14 dan Peraturan-Peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang 2016, Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif untuk memastikan warisan kebudayaan negeri terus dipelihara dan dihargai oleh generasi akan datang," ujarnya.

*(Sambungan di muka 2).*

# ‘Ekonomi Kelangsungan Hidup’ teras utama pembangunan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN -** Bagi tahun 2026, ‘Ekonomi Kelangsungan Hidup’ akan menjadi teras utama pembangunan negeri untuk diterjemah ke arah kesejahteraan hidup rakyat secara realistik.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyampaikan amanat tersebut semasa berucap dalam Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2026 di Dewan Sri Pinang di sini pada 22 Januari 2026.

“Sehubungan itu, perhimpunan ini juga menjadi ruang muhasabah bagi menilai sejauh mana amanah telah dilaksanakan, dan sejauh mana tindakan pentadbiran memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Dalam konteks semasa, Kon Yeow menyatakan bahawa keberkesanan kerajaan tidak lagi diukur melalui pengumuman dasar semata-mata, tetapi melalui keupayaan menterjemah visi kepada realiti serta menyentuh keperluan sebenar masyarakat.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut mengulangi iltizam pentadbiran untuk memperkukuh dan memulih kedudukan kewangan dalam Akaun Hasil Disatukan (AHD) kepada hampir RM1 bilion menjelang tahun 2028.

Berucap sebelum itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Seri Zulkifli Long memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini akan terus memperkemas pengurusan kewangan secara hemah dan berdisiplin.

Menurut beliau, pendekatan pentadbiran sedemikian telah berjaya membawa pulangan kutipan hasil negeri mencecah kira-kira RM819 juta, tidak termasuk pemberian Persekutuan, di samping mengurangkan kadar defisit negeri.

Selain itu, Zulkifli memberitahu bahawa Pulau Pinang juga terus mengukuhkan kedudukannya sebagai pelopor reformasi pentadbiran awam melalui kejayaan menyiapkan 20 projek Reformasi Kerenah Birokrasi yang berjaya menjimatkan kos pematuhan sebanyak RM2.4 bilion.




**PARA murid dari Sekolah Kebangsaan Kongsi, Balik Pulau tidak melepaskan peluang merakam gambar kenangan bersama Ketua Menteri (dua dari kiri) pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam di sini baru-baru ini.**

Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Dr. Mohamad Abdul Hamid; Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo; barisan Exco Kerajaan Negeri, barisan ADUN; Ketua-ketua Jabatan Negeri dan wakil-wakil jabatan turut menyertai acara tahunan tersebut melibatkan anggota perkhidmatan awam di negeri ini.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Aset penting perkukuh identiti negeri

Beliau memaklumkan bahawa pada 10 Disember 2025, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri telah meluluskan pencalonan 16 item berkenaan selepas melalui proses saringan dan penilaian teliti oleh Jawatankuasa Pakar Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (Sosiobudaya) sebelum diperakukan oleh Majlis Warisan Negeri.

“Antara 10 makanan tradisional yang diwartakan sebagai Warisan Negeri adalah Nasi Kandar, Pasembor, Char Kue Kak, Oh Chien, Kerabu Bihun, Mi Hokkien, Mi Udang, Mi Sotong, Mi Jawa dan Roti Benggali.

“Manakala, enam item Warisan Kebudayaan Tidak Ketara yang turut diangkat sebagai Warisan Negeri adalah Budaya Nasi Kandar, Budaya Kopitiam, Perarakan Thaipusam, Perarakan Chingay, Perayaan St. Anne Bukit Mertajam serta Loghat Bahasa Tanjong Pulau Pinang,” jelasnya.

Tambah Kon Yeow, semua item tersebut mempunyai nilai sejarah dan budaya yang tinggi serta masih diamalkan oleh masyarakat Pulau Pinang sehingga kini, dan menjadikannya aset penting dalam memperkukuh identiti negeri.

“Kesemua 16 item berkenaan akan diperkenalkan secara rasmi kepada orang ramai menerusi program Kenduri Warisan bersempena Perisytiharan Warisan Negeri yang dijadualkan berlangsung dalam masa terdekat iaitu pada bulan Mei nanti,” ulasnya lanjut.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan pimpinan Kerajaan Negeri dan ahli Jawatankuasa Pakar Warisan Kebudayaan Tidak Ketara menunjukkan item - item yang bakal diwartakan usai sidang media di sini.**

Bercakap mengenai usaha pendokumentasian dan pengiktirafan warisan tersebut, Kon Yeow memberitahu bahawa ia selari dengan aspirasi Visi Penang2030 serta gagasan Malaysia Madani yang menekankan pembangunan seimbang antara kemajuan fizikal dan pemeliharaan nilai budaya.

“Kerajaan Negeri berharap lebih banyak khazanah warisan kebudayaan Pulau Pinang dapat dikenal pasti, didokumentasikan dan diangkat sebagai Warisan Negeri pada masa hadapan supaya keunikan dan identiti negeri ini terus terpelihara serta diwarisi oleh generasi akan datang,” jelasnya.

Sementara itu, Premalatha ketika menjawab pertanyaan media memaklumkan bahawa terdapat lapan ahli daripada pelbagai bidang dan kepakaran dalam Jawatankuasa Pakar Warisan Kebudayaan Tidak Ketara.

“Jawatankuasa akan bermesyuarat dua bulan sekali untuk berbincang dalam pelbagai aspek mengenai penyenaraian item sebelum dimajukan kepada Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri.

“Malah, untuk penyenaraian ini, kami perlu mengenal pasti item-item sebelum membuat sebarang cadangan kepada Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri,” jelasnya.

Dalam pada itu, Zalena menambah bahawa pihaknya turut menjadikan enakmen dan peraturan sedia ada sebagai panduan dalam memastikan penjagaan, pemeliharaan, penyediaan dan penyelenggaraan item yang disenaraikan tersebut.

# Hospital Seberang Jaya

## rakyat sentiasa diutamakan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyifatkan bahawa bangunan baharu Hospital Seberang Jaya (HSJ) yang dirasmikan Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim, sebagai bukti bahawa kesejahteraan rakyat di negeri ini sentiasa menjadi keutamaan. Beliau berkata, bangunan baharu yang siap dibina sepenuhnya pada 12 April tahun lalu dan beroperasi mulai 5 Mei tahun sama turut membawa impak sosioekonomi yang signifikan kepada negeri Pulau Pinang, khususnya penduduk di Seberang Perai.

"Sejak mula beroperasi pada tahun 1995, HSJ telah menjadi pusat rawatan utama di Seberang Perai dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan dari rawatan kecemasan, pesakit luar, kepakaran klinikal hingga sokongan rehabilitasi.

"Terbinanya bangunan baharu ini, HSJ kini memasuki fasa baharu, yang bukan sahaja lebih kondusif dan selesa tetapi juga lebih moden dengan penggunaan teknologi perubatan terkini, menjadikan perkhidmatan kesihatan lebih berkesan serta berdaya saing.

"Selain itu, bangunan baharu ini juga membuka peluang pekerjaan, merancakkan ekosistem perkhidmatan kesihatan dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem kesihatan awam selain menjadi mercu tanda pembangunan Seberang Perai," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Bangunan Baharu HSJ di sini pada 24 Januari lalu.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat menghargai kelulusan projek naik taraf dan pembaikan fasiliti kesihatan, termasuk klinik dan fasiliti daif di negeri ini membabitkan 49 projek pada tahun 2025 dengan peruntukan RM16.67 juta, serta kelulusan empat projek kesihatan baharu di bawah *Rolling Plan 1* (RP1), Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) tahun ini.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa bersedia untuk memberi kerjasama penuh kepada Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan sebarang usaha atau inisiatif yang memberi impak positif kepada rakyat.

"Ini kerana projek dan program yang selari dengan aspirasi Visi Penang2030 dan Malaysia Madani akan terus menjadi fokus utama, bagi membina sistem kesihatan yang mampan, inklusif dan berdaya saing demi kebaikan semua," katanya pada majlis berkaitan.




**HOSPITAL Seberang Jaya telah mula beroperasi di bangunan baharu sejak 5 Mei 2025.**

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Sri Dr. Dzulkefly Ahmad; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Steven Sim Chee Keong; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar; Exco Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Daniel Gooi Zi Sen; barisan Exco Kerajaan Negeri; Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Hanifah Hajar Taib; Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Sri Suriani Dato' Ahmad; Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. Fazilah Shaik Allaudin dan Pengarah HSJ, Dr. S. Shameni.

Sementara itu, Anwar dalam ucapan selepas itu menyatakan bahawa dengan sokongan pelbagai pihak, pembinaan bangunan berkaitan akhirnya berjaya disiapkan, menyediakan perkhidmatan perubatan yang lebih berkualiti, lebih cekap dan lebih tepat pada masanya kepada rakyat.

Beliau turut menyentuh mengenai perubahan dasar pembelian ubat dengan memberi keutamaan kepada ubat generik yang memenuhi piawaian keselamatan telah berjaya menjimatkan hampir RM1 bilion.

"Ubat dari Amerika harganya RM100 sebiji sedangkan (ubat) generik dari negara lain boleh dibeli RM10.

"Paling penting adalah ubat ini selamat dan berkesan, bukan kerana kita kagum dengan jenama mahal semata-mata," jelasnya.

Anwar dalam pada itu juga menyeru rakyat supaya mengurangkan pengambilan gula memandangkan Malaysia antara negara yang mencatat kadar diabetes tertinggi di Asia.

Kata beliau, tabiat pemakanan tidak sihat khususnya pengambilan gula yang tinggi menjadi antara punca utama peningkatan masalah kesihatan awam, sekali gus memberi tekanan kepada sistem perubatan negara.

"Penggunaan gula di Malaysia ini antara tertinggi di Asia, dan kerajaan membelanjakan sejumlah besar untuk perubatan tetapi amalan pemakanan sihat perlu diperkukuh agar rakyat tidak terdedah kepada pelbagai penyakit," ulasnya lanjut.

Justeru, Anwar menyatakan bahawa kempen kesedaran mengenai pengurangan gula perlu dipertingkat termasuk melalui penyediaan pilihan makanan dan minuman yang lebih sihat di hospital serta premis kerajaan.

"Hospital dan klinik juga wajar memainkan peranan lebih aktif dengan memaparkan poster serta mesej kesihatan yang jelas bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang bahaya pengambilan gula secara berlebihan," serunya.

Dalam pada itu, Dzulkefly memberitahu bahawa HSJ dikategorikan sebagai Hospital Jenis 2, iaitu Hospital Pakar Major berfungsi sebagai Hospital Utama bagi Hospital Kluster Seberang Perai, merangkumi Hospital Bukit Mertajam (HBM), Hospital Kepala Batas (HKB) dan Hospital Sungai Bakap (HSB).

"Bangunan baharu ini dilengkapi dengan fasiliti moden merangkumi penambahan 316 katil baharu menjadikan keseluruhan 729 katil; dewan bedah tambahan (6); katil Unit Rawatan Rapi (ICU, 7) serta *Cardiac Rehabilitation Ward* (16 katil) khusus bagi Perkhidmatan Kardiologi Kanak-kanak.

"Melalui penaiktarafan ini, penduduk Seberang Perai tidak perlu lagi mengharungi kesesakan di jambatan untuk ke Hospital Pulau Pinang (HPP) semata-mata bagi mendapatkan rawatan pakar kerana fasiliti ini membawa perkhidmatan kepakaran lebih dekat kepada rakyat," ujarnya.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata bahawa Kementerian Kesihatan (KKM) telah menerima dana pembangunan berjumlah RM191.8 juta pada tahun ini, khusus untuk membangunkan fasiliti kesihatan di Pulau Pinang.

Sehubungan itu, beliau menyatakan bahawa sebanyak RM16.6 juta sedang disalurkan bagi menaik taraf fasiliti kesihatan sedia ada dan RM9.3 juta untuk membaiki klinik daif serta membina *Wellness Hub*.

Selain itu, tambah beliau, Perdana Menteri juga telah meluluskan peruntukan di bawah RP1, RMKe-13 untuk melaksanakan Kajian Awalan Pembinaan Bangunan Baharu (Tambahan) Hospital Kepala Batas.

"KKM juga sedang berunding dengan Kerajaan Negeri bagi mendapatkan tanah atau tapak bersebelahan hospital sedia untuk tujuan pembangunan semula HSB, manakala perancangan membangunkan semula HBM turut sedang diteliti.

"KKM dan Jabatan Kerja Raya (JKR) komited menyegerakan projek klinik yang telah diluluskan, antaranya Klinik Kesihatan (Jenis 3) Bandar Tasek Mutiara yang dijangka siap penghujung tahun ini serta pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Mak Mandin yang bermula pada September 2025, dan dijangka siap pada September 2028," jelasnya.

Selain itu, Dzulkefly berkata bahawa proses reka bentuk Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bayan Lepas turut disegerakan bagi membolehkan proses tender dimulakan secepat mungkin.

"Malah, Perdana Menteri juga telah meluluskan pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 2) Kubang semang dan Kompleks Kesihatan Bersepadu Seberang Perai Tengah di bawah Belanjawan 2026 dengan kos keseluruhan RM94.6 juta," ujarnya.

# Menelusuri



**DR. Aiza Maslan Baharudin menunjukkan dokumen asal berkaitan perjalanan haji yang diperoleh daripada waris Sheikh Haji yang berjaya dikesan.**




**ANTARA gambar lama Mekah yang menjadi koleksi di sini.**

**DALAM** lipatan sejarah perjalanan ibadah haji orang Melayu, nama Sheikh Haji pernah berdiri sebagai watak utama yang menghubungkan Tanah Melayu dengan Tanah Suci Mekah.

Namun, seiring perubahan zaman dan kemunculan sistem pengurusan moden, peranan mereka kian tenggelam dan hampir dilupakan.

Atas kesedaran inilah, satu penyelidikan mendalam telah dijalankan bagi menjejak kembali jasa dan sumbangan Sheikh Haji, khususnya yang beroperasi di Seberang Perai semasa era kapal laut.

Penyelidikan ini dilaksanakan oleh penyelidik daripada Pusat Pengajian Ilmu Universiti Sains Malaysia (USM), **PROFESOR MADYA DR. AIZA MASLAN BAHARUDIN** melalui geran bernilai RM23,500 yang dianugerahkan oleh Think City Sdn. Bhd. (Think City).

Beliau yang juga Penasihat Galeri Haji Pulau Pinang berkata, geran tersebut menjadi pemangkin kepada penghasilan satu kajian terbaharu yang memperluas fokus sejarah haji di negeri ini, daripada tumpuan tradisional di bahagian pulau seperti Lebuh Acheh, kepada Seberang Perai yang sebelum ini kurang diberikan perhatian.

## Dari Lebuh Acheh ke Seberang Perai

Sebelum ini, Aiza berkata bahawa kajian berkaitan Sheikh Haji banyak memusatkan perhatian di bahagian pulau terutamanya di Lebuh Acheh yang sememangnya dikenali sebagai pusat kegiatan haji dan keilmuan Islam di Pulau Pinang.

"Namun, melalui geran Think City, kami merasakan keperluan untuk merangkumi Seberang Perai, sekali gus membuka lembaran baharu dalam penulisan sejarah haji tempatan.

"Hasilnya, beberapa penemuan penting berjaya direkodkan, termasuk menjejaki Sheikh Haji yang aktif semasa era kapal laut dan beralamat di Seberang Perai.

"Penemuan ini bukan sahaja memperluas peta sejarah haji Pulau Pinang, malah membuktikan bahawa Seberang Perai turut memainkan peranan signifikan dalam ekosistem pengurusan haji suatu ketika dahulu," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN** ketika ditemui sempena wawancara khas di Galeri Haji Pulau Pinang, Lebuh Acheh dekat sini pada 20 Januari 2025.

Menurut Aiza, usaha menjejaki Sheikh Haji bukanlah tugas yang mudah kerana maklumat mengenai mereka adalah amat sukar diperoleh memandangkan tidak ada penulisan formal atau penerbitan khusus yang mendokumentasikan peranan dan kehidupan mereka.

"Penyelidikan ini banyak bergantung kepada bahan-bahan cetakan lama seperti risalah, majalah dan buku cenderamata yang diterbitkan secara bermusim.

"Antara bahan paling bernilai adalah majalah Pemandu Jemaah Haji yang merupakan sebuah koleksi yang amat nadir *(rare)* dan tidak terdapat dalam simpanan awam termasuk Arkib Negara.

"Sebahagian koleksi ini sebenarnya diperoleh daripada simpanan peribadi arwah Cikgu Muhammad yang pernah menetap di No. 69, Lebuh Acheh, berhadapan Masjid Melayu Lebuh Acheh," katanya.

Aiza menyatakan bahawa melalui penelitian iklan-iklan dalam majalah sekitar tahun 1960-an dan 1970-an, beliau berjaya mengenal pasti beberapa nama dan alamat Sheikh Haji yang pernah memainkan peranan aktif ketika itu.

Tambahnya, senarai tambahan turut dirujuk daripada Laporan Tahunan Haji sehingga membolehkan sekitar enam hingga tujuh orang Sheikh Haji berjaya dijejaki melalui waris masing-masing, walaupun kesemuanya telah lama meninggal dunia.

"Namun, cabaran timbul apabila alamat-alamat lama ini kebanyakannya sudah tidak wujud lagi akibat pembangunan yang semakin pesat.

"Oleh itu, usaha menjejak lokasi dilakukan menggunakan aplikasi digital seperti *Google*, namun perubahan landskap bandar menjadikan proses ini penuh kekangan," jelas beliau.

## Peranan besar Sheikh Haji

Mengulas lanjut, Aiza memberitahu bahawa penemuan tersebut juga penting kerana menyorot kembali peranan



**GAMBAR lama menunjukkan suasana di pelabuhan ketika musim pelayaran untuk menunaikan ibadah haji.**

*(Sambungan di muka 5).*

*(Sambungan dari muka 4).*

# jejak Sheikh Haji

besar Sheikh Haji dalam menguruskan perjalanan haji dalam era yang penuh dengan cabaran.

"Walaupun Tabung Haji telah wujud ketika itu, namun peranan agensi itu masih terhad dan tidak sebesar fungsi yang dimainkan oleh Sheikh Haji.

"Merekalah yang bertanggungjawab menguruskan keseluruhan perjalanan jemaah, bermula daripada kempen di kampung-kampung, pembelian tiket kapal, pengurusan barangan, sehinggalah penyediaan rumah tumpangan di sekitar Pulau Pinang.

"Dalam konteks masyarakat Melayu yang ketika itu kurang kemahiran berbahasa Arab dan terhad pengetahuan mengenai prosedur ibadah haji, Sheikh Haji berfungsi sebagai pembimbing, penghubung dan pelindung mereka.

"Ketika berada di Tanah Suci pula, Sheikh Haji menghubungkan jemaah dengan wakil-wakil mereka di sana yang merupakan satu tugas yang amat mencabar dalam era tanpa teknologi komunikasi moden," ulasnya lanjut.

## Pameran sebagai medium pencerahan

Tambah Aiza, hasil daripada penyelidikan yang dijalankan kemudian diterjemah dalam bentuk pameran fizikal yang menampilkan bahan-bahan nadir berkaitan Sheikh Haji.

Kata beliau, objektif utama pameran tersebut adalah untuk memperkenal generasi masa kini, terutamanya golongan muda mengenai Sheikh Haji dan peranan penting mereka dalam sejarah ibadah haji orang Melayu.

"Antara bahan pameran utama adalah buku cenderamata Pemandu Jemaah Haji yang hanya diterbitkan pada musim haji dan tidak disimpan di arkib atau mana-mana perpustakaan awam.

"Buku-buku ini turut memuatkan iklan-iklan komersial pada zaman tersebut, termasuk penemuan menarik mengenai Kopi Hang Tuah di Tasek Gelugor yang masih wujud hingga kini.

"Jenama kopi ini pernah menjadi penaja jemaah haji yang mana kopi mereka dibancuh di atas kapal untuk dihidangkan kepada para jemaah sepanjang pelayaran," katanya.

Aiza berkata, buat masa ini, pameran hanya diadakan secara fizikal dengan kemungkinan inisiatif digital dipertimbang pada masa akan datang.

"Bahan-bahan pameran ini juga pernah dipamerkan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Permatang Pauh dari 2 hingga 26 Disember 2025 yang turut disertai sesi taklimat khas mengenai Sheikh Haji," ujarnya.



**ANTARA koleksi yang terdapat di Galeri Haji Pulau Pinang.**

## Suara generasi terakhir

Menurut Aiza, antara detik paling bermakna dalam penyelidikan tersebut adalah kejayaan menemu bual individu yang pernah mengalami sendiri pengalaman perjalanan haji menaiki kapal laut dari Pelabuhan Butterworth.

Salah seorang daripadanya ialah Sheikh Tuan Haji Zubir dari Lubuk Merbau, yang dipercayai antara jemaah terakhir menaiki kapal haji dari Butterworth.

"Selain itu, kami turut menemu bual Datuk Daud Che Ngah yang memulakan kerjayanya di Tabung Haji sebagai pegawai kebajikan haji di atas kapal.

"Temu bual ini memberikan gambaran jelas mengenai suasana pelayaran haji, termasuk perbezaan ketara antara Pelabuhan Swettenham di Pulau Pinang yang meriah seperti pesta kali tiba setiap musim haji, berbanding Pelabuhan Butterworth yang hanya berfungsi sebagai lokasi transit.

"Walaupun kebanyakan responden merupakan warga emas yang mengalami masalah pendengaran, namun ingatan mereka terhadap pengalaman haji masih kuat dan terperinci, menjadikan perkongsian mereka amat berharga," kongsinya.

## Harapan dan kelangsungan warisan

Aiza turut menyifatkan penyelidikan yang dijalankan sebagai sangat signifikan dalam membantu masyarakat Melayu memahami kesukaran dan pengorbanan generasi terdahulu dalam menunaikan ibadah haji.

Menurutnya, melalui kajian tersebut masyarakat dapat menelusuri bagaimana barangan diangkut, kehidupan di atas kapal sepanjang hampir 14 hari pelayaran serta cabaran yang dihadapi oleh jemaah dan Sheikh Haji ketika itu.

"Semua penemuan ini akan dipamerkan di Galeri Haji Pulau Pinang, selain beberapa pameran sementara yang dirancang pada masa akan datang.

"Harapannya, pameran dan hasil penyelidikan ini dapat memberikan pencerahan, menyemai penghargaan terhadap sejarah serta memastikan peranan Sheikh Haji tidak luput daripada ingatan masyarakat.

"Walaupun masih banyak perancangan lanjut tetapi kekangan yang kami hadapi adalah mengenai kos.

"Kami yakin usaha mendokumentasikan sejarah haji ini tidak akan terhenti di sini kerana jejak Sheikh Haji mungkin semakin pudar, namun melalui penyelidikan dan pameran ini, warisan mereka kembali diberi suara," katanya menutup bicara.




**SUDUT menarik yang menceritakan perjalanan haji menggunakan kapal laut suatu ketika dahulu turut dipamerkan di sini.**

# Destinasi pelaburan




ANTARA taman-taman industri yang dibangunkan oleh PDC.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAYAN LEPAS -** Memasuki tahun baharu 2026, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) nekad mengorak langkah secara drastik bagi memposisikan negeri ini sebagai 'Nilai Premium Malaysia'.

Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar berkata bahawa pendekatan sedemikian bertujuan mengekalkan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan utama pelabur serantau, meskipun berdepan persaingan sengit antara negeri dan negara serta ekosistem ekonomi global yang semakin mencabar.

"PDC berhadapan persaingan antara negeri dan negara dalam menarik pelabur.

"Sehubungan itu, strategi utama adalah memposisikan Pulau Pinang sebagai 'Nilai Premium Malaysia' dengan tawaran utiliti siap, kemudahan *'plug-and-play'*, proses kelulusan pantas serta pengurusan kos berkesan supaya negeri kekal kompetitif pada peringkat nasional dan serantau,'' ujarnya dalam sesi sulung audio siar di PDC di sini pada 29 Januari 2026.

Mengulas lanjut, Aziz menyatakan bahawa PDC komited membangunkan *Batu Kawan Industrial Park 3* (BKIP3), *Bandar Cassia Technology Park* (BCTP) dan *Penang Science Park South* (PSPS) bagi menampung pertumbuhan industri berteknologi tinggi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta sektor digital.

*(Sambungan di muka 7).*



(Sambungan dari muka 6).

# premium

Bukan setakat itu sahaja, menurut beliau, PDC memperkukuh sektor *Global Business Services* (GBS) melalui projek *GBS @ Technoplex* dan *GBS By the Sea.*

"PDC memainkan peranan utama dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab GBS berimpak tinggi dengan membangunkan kemudahan moden untuk syarikat digital, automasi, R&D, analitik serta reka bentuk cip bersepadu (*IC Design*).

"Inisiatif ini menyokong penciptaan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di samping mengukuhkan ekosistem digital dan automasi negeri," jelasnya.

Bagi tahun 2026, beliau turut memaklumkan bahawa PDC akan menyokong pelaksanaan fasa pertama projek perumahan mampu milik terbesar negara di Seberang Jaya dan Batu Kawan, melibatkan lebih 37,000 unit kediaman.

Menurutnya, projek berkenaan akan menggunakan teknologi *Prefabricated Prefinished Volumetric Construction* (PPVC) bagi memastikan pembinaan yang lebih pantas, berkualiti dan terjamin.

"Projek ini bukan sahaja memenuhi keperluan pasaran, malah menyokong dasar pemilikan rumah di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) serta Visi Penang2030," katanya.



**AZIZ Bakar.**

Mengakhiri bicara, Aziz berkata bahawa PDC telah menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi tahun 2026 bagi mengukur pencapaian agensi negeri dari segi pertumbuhan ekonomi dan pelaburan; pembangunan hartanah dan infrastruktur; tadbir urus serta prestasi kewangan; selain impak sosial dan komuniti.

Sebagai rekod, PDC merupakan agensi pembangunan negeri yang ditubuhkan pada 1969, bertanggungjawab merancang serta melaksanakan pembangunan perindustrian, hartanah dan infrastruktur strategik di Pulau Pinang.

Sejak penubuhannya, PDC memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri, menarik pelaburan berkualiti serta memastikan pembangunan mampan yang seimbang dengan keperluan sosial dan kesejahteraan rakyat.




***GBS @Mayang* di Bayan Baru merupakan hab perkhidmatan perniagaan global yang menempatkan syarikat-syarikat multinasional terkemuka.**

M SUMMIT GROUP

AYER ITAM
Kondominium dengan parkir EV peribadi

Tuán Pavilion AYER ITAM










5% Diskaun Untuk Bumiputera

1172 KPS
3 Bilik Tidur & 2 Bilik Air

280 unit sahaja, pegangan bebas, 2 - 3 tempat letak kereta
Bilik pameran tersedia untuk tontonan

Milenium Baru Sdn Bhd [202101014154(1414454-M)] | Tel: 012-589 2232 | www.tuanpavilion.com
Tuán Pavilion, Solok Zoo 1, Kampung Cantik, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang

No. Lesen Pemaju: 30926/12-2029/0269(A) - Tarikh Sah: 03/12/2024 - 02/12/2029 - No. Permit Iklan dan Jualan: 30926-1/03-2028/0258(N)-(S) - Tarikh Sah: 27/03/2025 - 26/03/2028 - Tarikh Dijangka Siap: Januari 2028 - Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Bandararaya Pulau Pinang - No. Rujukan: MBPP.OSC-PB678/2024 - Jumlah Unit: 280 - Jenis Unit: A, A1, B - Harga Jualan: RM744,000 (Min), RM995,000 (Mak)

Semua lukisan dan ilustrasi yang terkandung di dalam iklan ini adalah lakaran pelukis semata-mata. Semua pelan, spesifikasi, ukuran dan maklumat yang terkandung adalah tertakluk kepada perubahan, pembetulan dan pertukaran seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau arkitek projek tanpa notis terdahulu kepada pembeli dan tidak boleh dianggap sebahagian daripada tawaran ataupun kontrak.

# Berani ambil risiko



G. Ganga Devi.

WALAUPUN masih baharu dalam industri rempah ratus, *Chitthi Spice*, jenama kelahiran Pulau Pinang, berjaya mencipta pencapaian membanggakan apabila menembusi pasaran antarabangsa bermula dengan Kanada.

Diasaskan pada tahun 2022, Chitthi Spice Sdn. Bhd. *(Chitthi Spice)* merupakan ilham usahawan tempatan, **G. GANGA DEVI**, 47.

Bermula dengan keyakinan terhadap kualiti produk serta keberanian mengambil risiko, beliau berjaya melonjakkan jenama tempatan itu ke peringkat antarabangsa.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan menemu bual Ganga Devi di premis perniagaannya di Nibong Tebal baru-baru ini.

Menurut Ganga Devi, pengembangan ke pasaran luar negara dibuat susulan kejayaan penghantaran produk percubaan ke Kanada pada awal tahun lalu.

"Seorang ejen tempatan di sana kini sedang dalam proses menyediakan kemudahan gudang sebagai persediaan untuk pemasaran *Chitthi Spice* di pasaran Kanada," katanya.

Tambah beliau, pihaknya turut menerima permintaan daripada pengedar di Mauritius dan Arab Saudi.

Menurut beliau, penggunaan tulisan Jawi pada pembungkusan produk menjadi antara faktor tarikan utama, khususnya di negara majoriti penduduk Muslim, sekali gus meningkatkan keyakinan pengguna terhadap status halal produk tersebut.

Mengulas penglibatannya dalam industri rempah ratus, Ganga Devi menyifatkan perjalanan tersebut sebagai satu cabaran besar, selain simbol pemerkasaan wanita.

"Saya mahu membuktikan bahawa wanita juga mampu berjaya dalam sektor yang lazimnya didominasi oleh lelaki.

"Saya melihat potensi pertumbuhan jangka panjang yang kukuh dalam industri ini memandangkan rempah ratus merupakan elemen penting dalam masakan di seluruh dunia.

"Rempah ratus dari Malaysia pula mendapat permintaan tinggi di pasaran antarabangsa kerana rasa dan aromanya yang tersendiri," jelasnya.

Selepas ditubuhkan pada tahun 2022, *Chitthi Spice* bergerak pantas membina kredibiliti apabila memperoleh pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam tempoh hanya tiga bulan selepas memulakan operasi.

"Kami kemudian memperoleh pensijilan Skim Keselamatan Makanan Malaysia daripada Kementerian Kesihatan (KKM), sekali gus membolehkan produk kami dipasarkan dengan lebih meluas," jelasnya.

Ganga Devi mengakui bahawa beliau tidak pernah merancang untuk menjadi usahawan, meskipun berasal daripada keluarga berlatarbelakangkan perniagaan.

"Titik perubahan berlaku apabila saya menyertai *Penang Women Entrepreneurs Mentoring Programme* (PenMentor) selama enam bulan anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)," ujar ibu kepada tiga cahaya mata itu.

Melalui bimbingan, panduan perniagaan dan sokongan rakan seperjuangan, beliau memperoleh keyakinan untuk melaburkan hampir RM500,000 daripada simpanan sendiri bagi menubuhkan sebuah kilang rempah.

"Pada peringkat awal, kilang ini hanya menghasilkan enam produk iaitu serbuk kari ayam, serbuk kari ikan, kunyit, cili, lada hitam dan lada putih.

"Kini, rangkaian produk kami telah berkembang kepada hampir 60 jenis rempah dan serbuk rempah, selain kira-kira 40 produk berkaitan seperti produk berasaskan tepung, minuman herba dan manisan India," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa *Chitthi Spice* menggunakan resipi campuran rempah tradisional India Selatan yang diolah semula mengikut cita rasa tempatan dan antarabangsa.

"Setiap produk dihasilkan tanpa penggunaan *monosodium glutamate* (MSG), pewarna tambahan atau bahan perisa tiruan bagi mengekalkan keaslian rasa dan aroma semula jadi.

"Selain itu, kesemua produk kami dihasilkan menggunakan 100 speratus bahan berasaskan tumbuhan, menjadikannya sesuai untuk pelbagai golongan pengguna termasuk Muslim, vegetarian dan vegan.

"Pendekatan penghasilan secara kelompok kecil turut diamalkan bagi memastikan kesegaran, kualiti dan konsistensi rasa setiap produk.

"Ketika ini, kilang kami mampu menghasilkan antara 500 kilogram hingga 800 kilogram serbuk rempah setiap hari," katanya.

Tambah beliau, pada peringkat awal, cabaran utama yang dihadapi adalah untuk meyakinkan peniaga dan pengedar menerima jenama tersebut.

Namun, menurutnya, penyertaan konsisten dalam ekspo keusahawanan dan halal, serta promosi aktif melalui platform media sosial seperti *TikTok*, membantu meningkatkan pengiktirafan jenama dan permintaan pasaran, termasuk daripada sektor restoran dan katering.

Difahamkan, pada peringkat permulaan, operasi kilang hanya melibatkan Ganga Devi dan suaminya, P. Sivanesan, 50.

Seiring perkembangan perniagaan, syarikat kini menggaji enam pekerja sepenuh masa, selain mengambil pekerja sambilan semasa musim perayaan bagi menampung peningkatan permintaan.

Di Pulau Pinang, produk *Chitthi Spice* dipasarkan melalui kedai runcit tempatan serta saluran perniagaan ke perniagaan (B2B).

Ganga Devi turut mengalu-alukan individu yang berminat untuk menjadi ejen jualan, khususnya suri rumah dan ibu tunggal, untuk menghubungi syarikat bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai peluang tersebut.




**CAMPURAN kuah ghee merupakan salah satu produk keluaran *Chitthi Spice* yang mendapat sambutan ramai.**



**ANTARA rempah ratus keluaran *Chitthi Spice* yang berada di pasaran.**

# Martabat budaya tempatan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



KETUA Menteri diiringi Rashidi Zinol (berkemeja kuning) dan Lim Siew Khim (kiri) turut mencuba permainan wau yang terkenal sebagai salah satu aktiviti riadah dalam kalangan penduduk setempat.

**SUNGAI ACHEH -** Penganjuran Penang2030 Festival x Pesta WOW di Sungai Acheh berlangsung meriah dengan kehadiran pelbagai lapisan masyarakat.

Pelbagai acara menarik mewarnai pesta yang berlangsung sejak pagi seperti pertandingan mewarna kaligrafi Cina, tulisan khat, bengkel serta pertandingan membuat wau.

Penyertaan aktif penduduk setempat dalam aktiviti rakyat seperti sukan bendang, pertandingan dam haji, pertandingan memasak kerabu, pertandingan pakaian tradisional bertemakan wau dan jualan makanan dan minuman telah menambahkan lagi kemeriahan penganjuran pesta berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, penganjuran festival berkenaan menonjolkan usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan budaya, memperkukuh ekonomi komuniti serta memajukan pelancongan negeri, selaras dengan gagasan Visi Penang2030 dan Malaysia Madani ke arah *'A Better 2026'*.

Beliau berkata, penganjuran pesta berkenaan juga adalah amat signifikan kerana mengetengahkan budaya wau iaitu salah satu warisan tradisi Melayu yang bukan sahaja memukau dari segi seni, malah juga sarat dengan nilai sejarah, kreativiti dan jati diri bangsa.

Lebih membanggakan, festival bertemakan wau ini merupakan julung kali dianjurkan di Sungai Acheh.

"Lebih menarik, festival ini bukan sekadar acara pameran, tetapi turut dimeriahkan dengan pelbagai program berteraskan penglibatan masyarakat setempat," katanya ketika berucap pada majlis perasmian festival berkaitan dekat Jalan Sungai Acheh, Parit Kasa di sini pada 25 Januari lalu.



TARIK tali dalam bendang merupakan antara aktiviti sukan yang digemari sejak dahulu kala.

Turut hadir, Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh, Dato' Rashidi Zinol; Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Dato' Ong Bee Leng; Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan; Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) kawasan Sungai Acheh.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa Sungai Acheh merupakan kawasan yang kaya dengan sejarah, tradisi dan keindahan alam semula jadi yang menjadikan kawasan itu bukan sahaja terkenal sebagai destinasi pelancongan budaya dan komuniti.



AKTIVITI memancing di tali air antara tarikan yang mendapat sambutan pada penganjuran Penang2030 Festival x Pesta WOW di sini baru-baru ini.

"Justeru, penganjuran festival seperti ini dapat menghidupkan suasana setempat, merancakkan ekonomi komuniti, memperkenal keunikan kawasan ini kepada pengunjung serta memartabatkan identiti warisan tempatan agar terus terpelihara.

"Malah, seiring dengan Tahun Melawat Malaysia 2026, Kerajaan Negeri akan terus mempergiat usaha untuk meningkatkan daya tarikan pelancongan setempat, termasuk mempromosikan Sungai Acheh sebagai salah satu destinasi pelancongan komuniti yang menawarkan pengalaman budaya autentik, unik dan bermakna," ujarnya.

Dalam pada itu, Rashidi ketika berucap sebelum itu menyifatkan penganjuran pesta berkenaan sebagai bukti kebersamaan masyarakat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini.

"Terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan penganjuran festival ini.

"InsyaAllah, kita (Kerajaan Negeri) akan berusaha membawa lebih banyak aktiviti yang dapat menggalakkan kehadiran pelancong ke sini, sekali gus membantu meningkatkan ekonomi masyarakat setempat," ulasnya.

Sebelum itu, Kon Yeow sambil diiringi Rashidi dan barisan tetamu kehormat menyaksikan pertandingan tarik tali akhir dan pertandingan memancing sebelum menyempurnakan acara simbolik perasmian penutup dengan melepaskan wau yang dihasilkan oleh penduduk setempat.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
